A

YONG YEW HIN lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
AZMAN ABDULLAH HMR
AZMI ARIFFIN HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: M-09-37-02-2021
& M-09(H)-38-02-2021]
20 NOVEMBER 2024

C **Abstrak** – *Pengemukaan 'removal order' yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen adalah satu pra-syarat yang wajib dipatuhi secara ketat sebelum satu-satu deposisi boleh dirakamkan dan diterima masuk, bawah s. 61A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.*

D ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kesalahan – Pemerdagangan manusia – Memperdagangkan mangsa, bagi maksud eksploitasi seks – Tertuduh dituduh di Mahkamah Sesyen bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM') dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan – Tertuduh didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan* E *dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM5,000, jika gagal bayar, empat bulan penjara – Rayuan dan sabitan tertuduh disahkan oleh Mahkamah Tinggi – Sama ada deposisi mangsa dan CD rakaman prosiding tersebut, yang dibuat bawah s. 61A ATIPSOM, boleh diterima masuk tanpa pengemukaan perintah pemindahan atau 'removal order' – Sama ada deposisi mangsa boleh* F *diterima masuk bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 sedangkan pihak pendakwaan memilih untuk merakamkan deposisi bawah s. 61A ATIPSOM*

Satu serbuan yang dijalankan oleh pihak polis di sebuah rumah menemukan mangsa, iaitu seorang perempuan warganegara Vietnam. Mangsa diselamatkan dan kemudian dibawa ke balai polis. Dalam deposisinya G ('eksh. P17'), yang dirakam bawah s. 61A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM'), mangsa menyatakan: (i) semasa di Vietnam, dia ditawarkan untuk bekerja di sebuah kilang di Malaysia, oleh seorang perempuan bernama Thao. Thao telah mengaturkan perjalanan untuk mangsa tiba di Malaysia; (ii) setibanya di Malaysia, mangsa H berjumpa dengan seorang perempuan Vietnam ('Mummy') dan tertuduh dan mereka membawanya ke sebuah rumah. Mummy kemudian memberitahu mangsa bahawa mangsa tidak akan bekerja di kilang tetapi, sebaliknya, akan bekerja sebagai seorang pelacur. Mangsa enggan tetapi diugut oleh Mummy. Mangsa terpaksa melayani pelanggan dan memberi perkhidmatan layanan I seks; (iii) satu hari, mangsa berjaya menelefon polis Vietnam apabila Mummy tiada di rumah. Pihak polis Vietnam memberikan nombor telefon Kedutaan Vietnam di Malaysia dan mangsa menghubungi nombor tersebut.

Berikutan itu, pihak polis berjaya menyelamatkan mangsa. Mangsa dihantar pulang ke Vietnam dan, kira-kira lima bulan selepas mangsa diselamatkan oleh pihak polis, tertuduh berjaya ditangkap. Tertuduh dituduh di Mahkamah Sesyen, kerana memperdagangkan mangsa, bagi maksud eksploitasi seks, satu kesalahan bawah s. 12 ATIPSOM, dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan. Tertuduh didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM5,000, jika gagal bayar, empat bulan penjara. Rayuan tertuduh ke Mahkamah Tinggi tidak berjaya; Mahkamah Tinggi mengesahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen. Maka, timbul rayuan-rayuan ini oleh pihak pendakwaan dan tertuduh. Isu-isu yang timbul adalah sama ada Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila menerima masuk: (i) eksh. P17 dan CD rakaman prosiding tersebut ('eksh. P16') melalui pegawai penyiasat, yang dibuat bawah s. 61A ATIPSOM tanpa pengemukaan perintah pemindahan atau 'removal order'; dan (ii) eksh. P17, bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 ('AK'), sedangkan pihak pendakwaan memilih untuk merakamkan deposisi tersebut bawah s. 61A ATIPSOM.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu dan mengetepikan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Sesyen yang seterusnya disahkan oleh Mahkamah Tinggi; menolak rayuan pihak pendakwaan)
Oleh Azmi Ariffin HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pihak pendakwaan mengakui bahawa tiada 'removal order' yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, bawah ss. 32, 33 atau 56(2) Akta Imigresen 1959/63, yang dikemukakan sebagai ekshibit oleh pihak pendakwaan hingga akhir perbicaraan. Pengemukaan dokumen tersebut adalah satu pra-syarat mandatori yang mesti dipatuhi secara ketat sebelum deposisi boleh dirakamkan dan diterima masuk, bawah s. 61A ATIPSOM. Oleh kerana 'removal order' tidak dikemukakan, Hakim Mahkamah Sesyen tidak boleh sama sekali merakamkan deposisi mangsa bawah s. 61A ATIPSOM. Kegagalan ini menyebabkan deposisi mangsa tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan. (perenggan 22-24)

(2) Oleh kerana deposisi mangsa tidak dapat diterima masuk sebagai keterangan *prima facie* berkenaan apa-apa fakta yang terdapat dalam deposisi tersebut, teras kes pendakwaan, yang bergantung sepenuhnya pada deposisi mangsa, tidak lagi mampu bertahan dan runtuh keseluruhannya. Hal perkara tentang kebolehterimaan deposisi tersebut oleh pihak pendakwaan, untuk digunakan sebagai keterangan bawah s. 32(1)(i) AK, bukan lagi isu 'live' kerana ini jatuh atau terkubur dengan sendirinya. (perenggan 27 & 28)

A ***English*** *Headnotes*

A raid carried out by the police on a house led to the discovery of the victim, a Vietnamese woman. The victim was rescued and later taken to the police station. In her deposition ('exh. P17'), which was recorded under s. 61A of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 B ('ATIPSOM'), the victim stated that: (i) while in Vietnam, she was offered by a woman named Thao, to work in a factory in Malaysia. Thao then made the arrangements for the victim to arrive in Malaysia; (ii) upon her arrival in Malaysia, the victim met with a Vietnamese woman ('Mummy') and the accused and they took her to a house. Mummy then informed the victim that C she was not going to work in a factory but, instead, she would work as a prostitute. The victim refused but she was threatened by Mummy. The victim had to entertain clients and provide sexual services; (iii) one day, the victim managed to call the police in Vietnam while Mummy was out of the house. The police in Vietnam gave the telephone number of the Embassy of D Vietnam in Malaysia and the victim contacted the said number. Following that, the police successfully rescued the victim. The victim was sent back to Vietnam and, approximately five months after the victim was rescued by the police, the accused was arrested. The accused was charged at the Sessions Court, for trafficking in the victim, for the purpose of sexual exploitation, an offence under s. 12 of the ATIPSOM, read together with s. 34 of the Penal E Code. The accused was found guilty, convicted for the said offence and sentenced to three years' imprisonment and a fine of RM5,000, in default, four months' imprisonment. The accused's appeal to the High Court was unsuccessful; the High Court affirmed the conviction and sentence meted out by the Sessions Court. Hence, the present appeals by both the prosecution F and the accused. The issues that arose for determination were whether the High Court Judge erred in admitting: (i) exh. P17 and the CD of the recording of the proceedings ('exh. P16'), through the investigating officer, which was made pursuant to s. 61A of the ATIPSOM without adducing a transfer or removal order; and (ii) exh. P17, pursuant to s. 32(1)(i) of the G Evidence Act 1950 ('EA'), even though the prosecution had opted to record the said deposition under s. 61A of the ATIPSOM.

Held (allowing appellant's appeal and setting aside conviction and sentence meted by Sessions Court which was affirmed by High Court; dismissing prosecution's appeal)

H **Per Azmi Ariffin JCA delivering the judgment of the court:**

(1) The prosecution had admitted that the removal order issued by the Director General of Immigration, pursuant to ss. 32, 33 or 56(2) of the Immigration Act 1959/63, was not adduced as exhibit by the I prosecution until the conclusion of the trial. The adducing of such document was a mandatory prerequisite which must be strictly complied with before a deposition could be recorded and admitted, under s. 61A

of the ATIPSOM. As the removal order was not adduced, the Sessions Court Judge could not, at all, record the victim's deposition under s. 61A of the ATIPSOM. This failure caused the victim's deposition to be inadmissible as evidence.

(2) As the victim's deposition was inadmissible as *prima facie* evidence, in connection with whatever facts contained therein, the core of the prosecution's case, which wholly relied on the victim's deposition, could no longer be sustained and had collapsed *in toto*. The matter on the admissibility of the said deposition by the prosecution, to be used as evidence under s. 32(1)(i) of the EA, was no longer a live issue as it had, by itself, plummeted and was entombed.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Sumon Khan & Anor [2018] CLJU 1506; [2018] 1 LNS 1506 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, s. 61A
Evidence Act 1950, ss. 32(1)(i), 80
Immigration Act 1959/63, ss. 32, 33, 56(2)

Bagi pihak perayu - Yong Yeow Hin, J Amardas & Terence Chan; T/n KP Ng & Amardas
Bagi pihak responden - Mohd Amril Johari; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Melaka; Rayuan Jenayah No: MA-42S-1-01-2019 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Azmi Ariffin HMR:

Mukadimah

[1] Pendakwaan terhadap tertuduh bermula di Mahkamah Sesyen Melaka di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dengan seorang lagi yang masih bebas pada 27/06/2017 jam lebih kurang 2.00 petang di Soon Huat No. 84 Jalan Hang Kasturi, 75200 Melaka, di dalam Daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, telah didapati memperdagangkan Penama Phan Thi Bich Tuyen, No. PP: tiada bagi maksud eksploitasi seks. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Di akhir kes pembelaan, pada 28 Disember 2018, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah mensabitkan tertuduh di atas pertuduhan tersebut. Tertuduh dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tiga tahun dan denda RM5,000 jika gagal bayar empat bulan penjara. Sabitan dan hukuman tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Tinggi pada 11 Februari 2021.

A **[3]** Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, tertuduh merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman (M-09-37-02-2021), manakala Pendakwa Raya pula merayu terhadap hukuman (M-09(H)-38- 02-2021).

Kronologi Kes Pendakwaan

B

[4] Pada 27 Jun 2017, bertindak di atas maklumat yang diterima, suatu serbuan yang diketuai oleh SP1 (Inspektor Tan Ling Ling) dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka bersama sepasukan anggota yang terdiri daripada Sarjan Mohan, Sarjan Kumar, Sarjan Majid dan Koperal Karen menjalankan serbuan di sebuah rumah dua tingkat beralamat
C di No. 84 Jalan Hang Kasturi, 75200 Melaka.

[5] Setiba di rumah tersebut, SP4 (Puan Lew Chok) iaitu ibu tertuduh telah membuka pintu dan membenarkan pasukan polis masuk untuk membuat pemeriksaan. Di tingkat atas, seorang perempuan warganegara
D Vietnam bernama Phan Thi Bich Tuyen (mangsa) telah dijumpai di dalam keadaan sedang menangis. Mangsa telah diselamatkan dan dibawa ke balai polis untuk tindakan selanjutnya.

[6] Berdasarkan kepada deposisi mangsa (eksh. P17) yang dirakamkan di bawah s. 61A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan
E Migran 2007 (ATIPSOM), mangsa menyatakan bahawa semasa berada di Vietnam, beliau telah ditawarkan kerja di sebuah kilang memproses sarang burung di Melaka, Malaysia oleh seorang perempuan bernama Thao. Aturan perjalanan telah dibuat oleh Thao dan mangsa telah sampai di Malaysia pada 8 Jun 2017 dengan menaiki kapal terbang.

F **[7]** Setibanya di KLIA2, Malaysia, mangsa telah berjumpa dengan seorang perempuan Vietnam yang dikenali sebagai "Mummy" dan seorang lelaki Cina warganegara Malaysia (tertuduh). Mummy dan tertuduh telah membawa mangsa ke Melaka dengan menaiki kereta dan selanjutnya ke sebuah rumah.

G **[8]** Di rumah tersebut, Mummy telah memaklumkan kepada mangsa bahawa mangsa tidak akan bekerja di kilang sarang burung tetapi akan bekerja sebagai seorang pelacur. Walaupun mangsa enggan berbuat sedemikian, namun mangsa telah diugut oleh Mummy dan dipaksa menjadi pelacur. Pada malam yang sama, mangsa telah dipaksa melayan empat orang
H pelanggan berbangsa Cina dan telah dipaksa memberi layanan seks kepada lebih kurang 18 orang pelanggan sehinggalah mangsa akhirnya diselamatkan oleh pihak polis.

[9] Mangsa menyatakan setiap kali bekerja, beliau akan dihantar oleh Mummy dan tertuduh ke lokasi yang berbeza-beza yang tidak diketahuinya.
I Mummy dan tertuduh akan mengawal di luar lokasi tersebut untuk

memastikan mangsa tidak melarikan diri. Mangsa tidak mengetahui berapa bayaran yang dibuat oleh pelanggan kerana bayaran akan dibuat terus kepada Mummy dan mangsa tidak pernah menerima apa-apa bayaran daripada Mummy.

[10] Mangsa tidak dibenarkan bercuti dan hanya boleh bercuti jika betul-betul penat atau kemaluan mangsa koyak teruk. Walaupun kemaluannya koyak teruk, Mummy tetap menyuruh mangsa untuk bekerja. Sekiranya tidak bekerja, mangsa tidak akan diberikan makan. Mangsa menyatakan sekiranya datang bulan dan tidak dapat bekerja, mangsa tidak akan diberi makan oleh Mummy.

[11] Pada 27 Jun 2017, mangsa telah menipu Mummy dengan mengatakan bahawa beliau penat dan meminta supaya beliau tidak dibawa berjumpa dengan pelanggan. Mummy membenarkan dan Mummy memberitahu mangsa bahawa beliau akan datang lagi dalam masa dua jam, lalu beliau pun keluar dari rumah tersebut. Setelah Mummy keluar, mangsa telah menelefon polis Vietnam dan polis Vietnam telah memberikan nombor telefon kedutaan Vietnam di Malaysia. Mangsa telah menelefon nombor tersebut dan selanjutnya pada jam 2 petang, polis telah datang ke rumah tersebut dan menyelamatkan mangsa.

[12] Pada 8 Ogos 2017, mangsa telah dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh untuk direkodkan deposisi di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen (eksh. P17). SP5 mengesahkan bahawa semasa deposisi dirakamkan ia masih lagi di dalam tempoh siasatan memandangkan tertuduh masih belum dapat dikesan pada ketika itu, walaupun pihak polis telah mengambil pelbagai langkah untuk menjejaki tertuduh termasuklah melawat dan membuat risikan di tempat kejadian, membuat semakan dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara, KWSP, bank, mendapatkan family tree dan mengarahkan detektif untuk berhubung dengan ahli keluarga tertuduh dan sebagainya.

[13] Mangsa kemudiannya telah dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia dan pada 5 Oktober 2017, SP3 telah mengeluarkan satu memo periksa keluar/check out memo (eksh. P7) ke atas mangsa Phan Thi Bich Tuyen. SP3 memberi keterangan bahawa dokumen P7 dikeluarkan berdasarkan maklumat di dalam laporan polis, perintah perlindungan, serta tiket penerbangan pulang ke negara asal. SP3 juga menyatakan bahawa beliau telah pergi ke kedutaan Vietnam untuk memohon dokumen perjalanan sementara untuk mangsa.

[14] Setelah menerima dokumen perjalanan tersebut iaitu dokumen *laissez passer* (eksh. P8), pada 12 Oktober 2017, SP3 bersama anggota pasukannya telah membawa dokumen-dokumen perjalanan berkaitan dan telah menuju ke Rumah Perlindungan Kempas, Johor di mana mangsa ditempatkan. Di rumah perlindungan tersebut, SP3 telah memeriksa dokumen-dokumen perjalanan berkaitan dengan nama dan wajah mangsa.

[15] Selanjutnya, setelah dipastikan dokumen-dokumen tersebut adalah sama dengan orang yang telah dibawa ke hadapan SP3, pada tarikh yang sama, SP3 telah mengiringi mangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor. Di lapangan terbang tersebut, SP3 telah membawa mangsa ke kaunter pemeriksaan Imigresen. SP3 telah melihat PT dicop oleh Pegawai Imigresen bertugas. SP3 bersama anggota pasukan selanjutnya telah mengiringi mangsa sehingga ke pesawat berkaitan dan melihat mangsa menaiki pesawat tersebut untuk pulang ke negara asalnya iaitu di Vietnam.

[16] Setelah mangsa dihantar pulang dan lebih kurang lima bulan selepas mangsa diselamat oleh pihak polis, pada 29 November 2017, tertuduh telah ditangkap di Balai Polis Banda Hilir, Melaka. Laporan tangkapan Melaka Tengah 1289/17 telah dibuat terhadap tertuduh dan ditandakan sebagai eksh. P3.

Peruntukan Undang-Undang Yang Berkaitan

(i) Seksyen 61A Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 memperuntukkan seperti berikut:

Admissibility of deposition of trafficked person or smuggled migrant who cannot be found

61A (1) Notwithstanding anything contained in this Act and any written law to the contrary, where in any proceeding for an offence under this Act a testimony of any person in respect of whom an order of removal from Malaysia has been made by the Director General under section 32 or 33 or subsection 56(2) of the Immigration Act 1959/63 is required by the court, there shall be admissible in evidence before that court any deposition relating to the subject matter of that proceeding made by that person -

(a) in Malaysia before a Sessions Court Judge or a Magistrate in the presence or absence of the person charged with the offence; or

(b) outside Malaysia before a consular officer or a judicial officer of a foreign country in the presence or absence of the person charged with the offence, and any such deposition shall, without further proof, be admitted as *prima facie* evidence of any fact stated in the deposition.

(2) It shall not be necessary for any party in any proceeding to prove the signature or official character of the Sessions Court Judge, Magistrate, consular officer or judicial officer before whom the deposition under subsection (1) was made.

(3) For the purposes of this section, a reference to -

(a) a "deposition" includes any written statement made upon oath; and

(b) an "oath" includes an affirmation or declaration in the case of persons allowed by law to affirm or declare instead of swear.

(4) Nothing in this section shall prejudice the admission as evidence of any other depositions.

(ii) Seksyen 32 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

Cases in which statement of relevant fact by person who is dead or cannot be found, *etc.*, is relevant

32. (1) Statements, written or verbal, of relevant facts made by a person who is dead or who cannot be found, or who has become incapable of giving evidence, or whose attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case appears to the court unreasonable, are themselves relevant facts in the following cases:

(a) … (h)

(i) when the statement was made in the course of, or for the purposes of, an investigation or inquiry into an offence under or by virtue of any written law; and

(j) where the statement was made by a public officer in the discharge of his duties

(iii) Seksyen 32 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan seperti berikut:

Removal of illegal immigrants

32.(1) Any person who is convicted of an offence under section 5, 6, 8 or 9 shall be liable to be removed from Malaysia by order of the Director General:

Provided that no citizen convicted of an offence under section 5 shall be ordered to be removed from Malaysia under this subsection.

(iv) Seksyen 33 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan seperti berikut:

Removal of persons unlawfully remaining in Malaysia

33. (1) Where the presence of any person in Malaysia is unlawful by reason of section 9, 15 or 60 the person shall, whether or not any proceedings are taken against him in respect of any offence against this Act, be removed from Malaysia by order of the Director General.

(2) Any person in respect of whom an order of removal has been made under subsection (1) may appeal to the Minister in such manner and within such time as may be prescribed:

Provided that there shall be no appeal under this subsection against an order of removal under subsection (1) made in respect of any person whose presence in Malaysia is unlawful under section 9 by reason of any order made under paragraph 9(1)(a) or by reason of the cancellation of a Pass or Permit under paragraph 9(1)(b) or 9(1)(c) respectively, or is unlawful under paragraph 15(1)(c) or section 60 by reason of the expiry of any Pass relating to or issued to him.

(iv) Seksyen 56 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan seperti berikut:

Offences

56. (1) Any person who -

(2) Any person who is not a citizen unlawfully entering or reentering or attempting unlawfully to enter or re-enter Malaysia or unlawfully remaining in Malaysia shall whether or not any proceedings are taken against him in respect of the offence be liable to be removed from Malaysia by order of the Director General.

(v) Seksyen 80 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

S. 80. Whenever any document is produced before any court purporting to be a record or memorandum of the evidence or any part of the evidence given by a Withess in a judicial proceeding or before any officer authorized by law to take such evidence, or to be a statement or confession by any prisoner or accused person, taken in accordance with law and purporting to be signed by any Judge, Sessions Court Judge or Magistrate or by any such officer as aforesaid, the court shall presume that -

(a) document is genuine;

(b) any statements as to the circumstances under which it was taken, purporting to be made by the person signing it, are true; and

(c) such evidence, statement or confession was duly taken.

Isu-Isu Utama Untuk Diputuskan

(i) sama ada Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menerima masuk deposisi mangsa (eksh. P17) dan CD rakaman prosiding tersebut (eksh. P16) melalui pegawai penyiasat (SP5) yang telah dibuat berdasarkan peruntukan s. 61A ATIPSOM tanpa mengemukakan perintah pemindahan atau "removal order"; dan

(ii) sama ada Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menerima masuk deposisi tersebut di bawah peruntukan s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 sedangkan pihak Pendakwa Raya telah membuat pilihan untuk merakamkan deposisi tersebut di bawah s. 61A ATIPSOM.

Dapatan Hakim Mahkamah Tinggi

[17] Dapatan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi di antara lainnya adalah seperti berikut:

31. Learned counsel for the accused had argued that the Deposition was inadmissible because there was "no order of removal from Malaysia" issued by the immigration authorities. Such an order was a prerequisite for proceedings under section 61A of the Act.

32. On perusal of the notes of proceedings I find that the learned SCJ ruled that the Deposition P17 which was recorded in accordance to section 61A of the Act is admissible under section 32(1)(i) Evidence Act 1950 (EA).

33. I am of the view that section 61A is permissive and not mandatory. This can be seen from the words "where in any proceeding for an offence under this Act a testimony of any person in respect of whom an order of removal from Malaysia has been made ...". The section would only be applicable where there is in existence a "Removal Order." It does not however prevent the Deposition made by virtue of section 61A being adduced under any other law, in this case, section 32 EA.

34. In the case of *PP v. Sim Kay Chay* [2008] 1 CLJ 838 the High Court was deliberated on section 40A of the Immigration Act 1959/63 which is *pari materia* with section 61A. The Court held that despite there being no Removal Order the Deposition was admissible under section 32 EA.

37. The evidence shows that the victim had left the country on 12.10.2017. The immigration records indicate she did not return to Malaysia after that. Efforts to trace her through the Vietnamese embassy proved futile. The circumstances are such that the victim now cannot be found. Alternatively, the victim's attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of this case appears to the court unreasonable.

38. I also find that the statement, in the form of the Deposition, was made in the course of an inquiry into an offence, namely under section 12 of the Act. Bearing in mind these circumstances I am of the view that the learned SCJ was correct in finding that the requirements for the Deposition P17 to be admitted as evidence under section 32(1)(i) EA had been satisfied.

40. As to the weight to be given to the statement I bear in mind that it was recorded before a Sessions Court judge. The whole proceeding was recorded in the form of a video CD which was adduced as P16. Section 80 EA presumes such documents to be genuine and duly taken.

Keputusan Kami

[18] Mengulas mengenai isu pertama di atas, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah menghujahkan bahawa mangsa yang terlibat bukanlah seorang saksi warganegara Malaysia tetapi merupakan seorang warganegara Vietnam. Tiada maklumat berkaitan peribadi mangsa yang dapat diperolehi daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Pilihanraya, KWSP dan sebagainya.

[19] Selanjutnya, dihujahkan bahawa mangsa hanya berada di Malaysia selama tempoh lebih kurang tiga minggu sahaja sebelum beliau diselamatkan. Kemasukan mangsa ke dalam negara ini dengan tujuan untuk bekerja juga adalah secara tidak sah. Tiada maklumat juga yang diperolehi daripada mana-

A mana majikan atau rakan sekerja tempatan beliau. Fakta ini juga menunjukkan bahawa mangsa tidak mempunyai alamat tetap dan alamat terakhir beliau yang diketahui hanyalah alamat tempat mangsa diselamatkan. Justeru itu, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan bahawa tiada lagi usaha yang boleh dilakukan oleh SP5 yang tidak akan melibatkan
B masa dan kos yang tidak munasabah.

[20] Sehubungan dengan itu, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menyimpulkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah membuat keputusan yang tepat seperti yang terdapat di dalam alasan penghakimannya apabila beliau mendapati pihak pendakwaan telah
C memenuhi pra-syarat penerimaan masuk deposisi mangsa di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana merumuskan seperti berikut:

> 57. Berdasarkan fakta fakta di atas, tindakan yang telah dilakukan oleh SP5 dengan membuat semakan di Jabatan Imigresen dan juga mendapat
D pengesahan dari Kedutaan Vietnam sudah mencukupi untuk membuktikan saksi tersebut telah gagal dikesan dan telah memenuhi pra syarat yang diperlukan oleh seksyen 32(1)(1) Akta Keterangan 1950.
>
> 61. Berdasarkan hujah-hujah di atas, adalah dapatan Mahkamah bahawa pra-syarat di bawah seksyen 32(1) Akta Keterangan 1950 telah dipenuhi
E oleh pihak Pendakwaan, dengan itu mahkamah menerima masuk Deposisi eksibit P16 & P17 sebagai keterangan.

[21] Berdasarkan dapatan Hakim Mahkamah Sesyen di atas, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana selanjutnya menghujahkan bahawa peguam tertuduhlah yang sebenarnya telah tersalah arah bila mengatakan bahawa
F ketiadaan perintah pemindahan atau "removal order" dan kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan dokumen tersebut telah mencacatkan kes pendakwaan. Ini adalah kerana mengikut Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, tiada keperluan undang-undang untuk pihak pendakwaan mengemukakan "removal order" tersebut bagi tujuan pemakaian di bawah
G s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950.

[22] Dengan hormatnya, kami tidak bersetuju dengan penghujahan Timbalan Pendakwa Raya tersebut. Sayugia dinyatakan bahawa Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah mengakui di hadapan kami bahawa tiada terdapat sebarang "removal order" yang dikeluarkan oleh Ketua
H Pengarah Imigresen di bawah s. 32 atau s. 33 atau sub-s. 56(2) Akta Imigresen 1959/63 yang dikemukakan sebagai ekshibit oleh pihak pendakwaan sehingga akhir perbicaraan.

[23] Pada hemat kami, memandangkan tiada "removal order" yang dikemukakan di Mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana tidak
I boleh sama sekali merakamkan deposisi mangsa di bawah peruntukan s. 61A ATIPSOM. Seharusnya ditekankan bahawa memo periksa keluar (eksh. P7)

yang dikemukakan di mahkamah oleh pihak pendakwaan bukanlah suatu "removal order". Hakikat ini diakui sendiri oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana.

[24] Sehubungan dengan itu, kegagalan mengemukakan "removal order" ini telah menyebabkan deposisi mangsa tersebut tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan. Ini adalah kerana pengemukaan dokumen tersebut merupakan suatu pra-syarat mandatori yang mesti dipatuhi secara ketat sebelum deposisi boleh dirakamkan dan diterima masuk oleh mahkamah di bawah s. 61A ATIPSOM. Adalah jelas terdapat kekhilafan di pihak Hakim Mahkamah Sesyen apabila beliau memutuskan untuk merakamkan dan menerima masuk eksh. P16 dan P17 tanpa "removal order" tersebut.

[25] Dapatan yang kami buat ini seiring dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *PP v. Sumon Khan & Anor* [2018] CLJU 1506; [2018] 1 LNS 1506; [2018] MLJU 1401, di mana Zabariah Yusof HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [43] Section 61A of the Act also requires that before the depositions of the Bangladeshis can be admitted as evidence, there must be an order for removal of the Bangladeshis issued by the Director General (DG) of Immigration Department. In the present appeal, there was never any order of removal by the DG of Immigration ever produced by the prosecution. The rationale of allowing admissibility of depositions of persons under section 61A of the Act was to cater for situations where the migrants were removed by order of the DG of Immigration and hence their presence as witnesses could no longer be support a charge under the Act against Accused persons. Hence the depositions (which are hearsay evidence) are allowed to be admitted. Without the order for removal, these depositions cannot be admitted.
>
> However, the prosecution could still adduce direct evidence by calling the subject, *ie*, the migrants themselves to testify, if they could be located. In the present appeal it is not clear whether the migrants were still available to testify or whether there was such an order from the DG of Immigration for their removal. The prosecution attempted to adduce the Notes of Proceedings from the Magistrates Court (ID 8) which purportedly recorded these depositions and which had referred to the orders for removal by the DG of Immigration of the 13 migrants. However, the learned trial Judge had refused to admit these Notes of Proceedings as exhibits (we will elaborate on the admissibility of ID 8 at paragraph 47 of this judgment). Therefore, without the Notes of Proceedings admitted as evidence, ID 7 (1-13) have no basis to stand on.
>
> [46] Therefore, premised on the aforementioned, the learned trial Judge did not err when His Lordship refused to admit and placed no weight to the said depositions of the 13 Bangladeshis *ie*, ID 7 (1-13).
>
> [50] Without these depositions being admitted and/or without the evidence of the 13 Bangladeshis migrants, there can be no case made out against the 2 Accused persons.

[26] Kami bersependapat dengan keputusan autoriti duluan di atas.

[27] Mengulas mengenai isu kedua pula, tidak dapat dinafikan bahawa keterangan kes pendakwaan terhadap tertuduh bergantung sepenuhnya di atas deposisi mangsa. Oleh itu, memandangkan deposisi mangsa tidak dapat diterima masuk sebagai keterangan *prima facie* berkenaan apa-apa fakta yang terdapat di dalam deposisi tersebut, maka teras kes pendakwaan tidak lagi mampu bertahan dan runtuh keseluruhannya.

[28] Sehubungan dengan itu juga, oleh kerana pihak pendakwaan telah memilih untuk merakamkan deposisi tersebut di bawah s. 61A ATIPSOM yang berakhir dengan penolakan, maka perkara mengenai kebolehterimaan deposisi tersebut oleh pihak pendakwaan untuk digunakan sebagai keterangan di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 bukan lagi menjadi suatu "live" isu di hadapan kami kerana ianya telah jatuh atau terkubur dengan sendirinya.

Kesimpulan

[29] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberikan di atas, kami sebulat suara mendapati terdapat merit di dalam rayuan perayu ini untuk mewajarkan kami campur tangan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.

[30] Dengan itu, kami memerintahkan seperti berikut:

(i) rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman (M-09-37-02-2021) dibenarkan;

(ii) perintah sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen dan kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Tinggi pada 11 Februari 2021 diketepikan; dan

(iii) rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman (M-09(H)-38-02-2021) ditolak.